

ISLAMICHERITAGE
LEADS THE TRANSFORMATION OF THE UMMAH

ISLAMIC HERITAGE
LEADS THE TRANSFORMATION OF THE UMMAH

Editors

Hasan Bahrom
S. Salahudin Suyurno
Abdul Qayyum Abdul Razak

© Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Melaka 2015

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada ACIS, UiTM Melaka terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Hasan Bahrom

Proceedings of the 1st international Islamic heritage conference / Hasan

Bahrom, S.Salahudin Suyurno, Abdul Qayuum Abdul Razak

978-967-0637-13-6

1. Islamic Heritage 2. Civilization I. Hasan Bahrom

II. S.Salahudin Suyurno III. Abdul Qayuum Abdul Razak

Reka bentuk kulit : Mohd Zaid bin Mustafar

Dicetak di Malaysia oleh :

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS),

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA MELAKA,

KM 26 JALAN LENDU,

78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia

Tel: +606 558 2058

CONTENTS

PRAKATA	i
KATA ALUAN REKTOR UITM MELAKA	ii

ARTS

A DOCUMENT OF IBÂDI JURISPRUDENCE RELATED TO THE ARCHITECTURE OF MOSQUES Benkari Naima	1
RE-THINKING THE DEPICTIONS OF TWO-DIMENSIONAL ‘LIVING BEINGS’ IN CONTEMPORARY ISLAMIC ART Lina Kattan	15
REVIVING THE CLASSICAL ISLAMIC ARCHITECTURAL DESIGNS OF MOSQUE IN TIN MINING AREA: KINTA VALLEY, PERAK, MALAYSIA Wan Noor Anira Hj Wan Ali @ Yaacob, Norasikin Hassan, Khalilah Hassan & Ameri Mohd Sarip @ Shariff	25
TOWARDS A CONCEPTUAL FRAMEWORK OF ANIMATED INFOGRAPHICS IN AN ISLAMIC CONTEXT Nur Nazihah Rahim, Nik Zulkarnaen Khidzir, Anuar Mohd Yusof & Khairul Azhar Mat Daud	38
QUR’AN AND SPLENDOR OF ISLAMIC CALLIGRAPHY: DEVELOPMENT OF IRANIAN CALLIGRAPHY UNDER INFLUENCE OF QUR’AN TRANSCRIBING Mahdi Sahragard	49
PLANT AND LANDSCAPE DESIGN: REFLECTION FROM THE QURAN AND HADITH Khalilah Hassan, Nur Huzeima Mohd Hussain, Norizan Mt Akhir & Mazlah Yaacob	60
SUSTAINABLE AND DIVERSE ISLAMIC ART: A SOCIAL AND CULTURAL EXPERIMENT IN AUSTRALIA Abdul Attamimi & Majdi Faleh	70
KUFI LARI’: THE HYBRID OF KHAT KUFI TO UPHOLD THE MALAYS’ IDENTITY IN DIGITAL ART APPLICATION Mohd Amin bin Mohd Noh, Mohd Fauzi bin Harun, Nik Narimah bt Nik Abdullah, Zaharah bt Hj. Ramli & Nor Fariza bt Baharuddin	81

KONSEP SENI DALAM ISLAM: SATU SOROTAN	89
Nor Adina Abdul Kadir, Nang Naemah Md Dahlan, Mohd Farhan Abd Rahman & Norsaeidah Jamaludin	

GENDER

CANNING CHILDREN: ABUSE OR EDUCATE?	101
Ekmil Krisnawati Erlen Joni & Salmiah Salleh	
THE WISDOM OF POLYGAMY IN ISLAM: THE LAW AND CUSTOMARY PRACTICE IN AFGHANISTAN	114
Hekmatullah Muradi & Nasir Ahmad Yousefi	
PERBEZAAN TANGGUNGJAWAB PERIBADI PELAJAR DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA (KUIM)	125
Siti Marhamah binti Kamarul Arifain, Atini Alias, Farrah Wahida Mustafar & Faudziah Yusof	

CULTURE

VOLUNTEER TOURISM FOR MUSLIM COMMUNITY DEVELOPMENT: APPLYING SOCIAL EXCHANGE THEORY FOR CROSS CULTURE BENEFITS	133
Nik Rozilaini binti Wan Mohamed, Ahmad Rozelan bin Yunus, Mohd Hasrul Yushairi bin Johari & Mashita binti Abdul Jabar	
مكتبة آشوربانيبال تراث إنساني فريد	140
وان كمال موجاني & سميرة ميلاد عامر	

POLITIC

النظام الجنائي الاسلامي هو الحل للأمن في العالم	148
سعدى حيدرة	
العلاقات الدبلوماسية الاسلامية في الاندلس مع المماليك الاوروبية، دراسة و تحقيق	158
طارق عبد السلام & عصام ميلود المخرات	

حق الدولة المسلمة في امتلاك الأسلحة الحربية وضروة انتاجها وليس استيرادها نور العارفة بنت محمد & ثعيم حنك	165
---	-----

EDUCATION

دور الثورة التعليمية والثقافية في تطوير الأمة المسلمة في منطقة مليبار، كيرلا الهند على أكبر كي وي	175
ISLAM AND EDUCATION Nasiruddin Mizy	182
ISLAM AND HIGHER EDUCATION: THE ROLE OF ISLAMIC-BASED UNIVERSITIES IN URBAN DEVELOPMENT Nur Rafidah Asyikin binti Idris	190
LEARNING ORAL PRESENTATION IN A COLLABORATIVE ENVIRONMENT IN TERTIARY CLASSROOMS: ISLAMIC PERSPECTIVES Juritah Misman & Mardziah Hayati Abdullah	201
PENDIDIKAN ISLAM DENGAN AKHLAK MORAL PELAJAR: SOROTAN FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM Siti Noorbiah Md Rejab, Najahudin Lateh, Hanifah Musa Fathullah Harun, Nur Zahidah Jaafar & Nur Hidayah Zainal	213
FAKTOR AGAMA SEBAGAI FAKTOR UTAMA MENGUBAH TINGKAH LAKU SEORANG BANDUAN Ahmad Zaidi Johari, Mohd Izam Ghazali & Alis Puteh	222

HISTORY

PARADIGMA ILMU KITAB JAWI DI ALAM MELAYU: SATU PENGENALAN Rahimin Affandi Abd. Rahim, Ahmad Farid Abdul Jalal, Badlihisyam Mohd Nasir, Wan Zailan Kamarudin Wan Ali, Abdul Halim Ismail, Nor Adina Abdul Kadir & Zurina binti Mohamed Noor	226
ANALISIS KEBANGKITAN VOLGA BULGARIA 922M Harliana Halim, Kamaruzaman Yusoff, Mohd Faizal Khir & Shakila Ahmad	236

LAKSAMANA PĪRĪ REIS DAN SUMBANGANNYA KEPADA KARTOGRAFI DAWLAH C ^U THMĀNIYYAH Ahmad Sobrie Haji Ab Rahman & Roziah Sidik @ Mat Sidek	247
--	-----

SOCIETY

نظرية الطلاق في الإسلام: دراسة مقارنة مع اليهودية والنصرانية عثمان بن إبراهيم عُرْعُدُو	259
A QUALITATIVE STUDY ON WIFE ABUSE IN MUSLIM FAMILIES: WHY WOMEN ENDURE? Mariny Abdul Ghani, Noor Azizah Ahmad & Azizul Mohamad	278
HIMA AS A MODEL FOR NEIGHBOURHOOD OPEN SPACE PLANNING Khalilah Hassan, Siti Syamimi Omar & Izrahayu Che Hashim	290
حكم تارك الصلاة طارق حميش	301
ASPEK-ASPEK TIDAK PATUH SYARIAH DALAM AMALAN JAMPI DI MALAYSIA Juriah Mohd Amin, PM Dr Huzaimah Ismail & PM Supani Husain	307
LELAKI BERPAKAIAN SEPERTI PEREMPUAN: ANTARA <i>GENDER IDENTITY</i> <i>DISODER</i> , UNDANG-UNDANG SYARIAH DAN PERLEMBAGAAN MALAYSIA Yuhanza binti Othman, Ida Rahayu binti Mahat, Mimi Sofiah Ahmad Mustafa & Marziana Abd Malib	316
GEJALA SOSIAL DI MALAYSIA: PENDEKATAN ISLAM DAN PERANAN PEMIMPIN DALAM USAHA PENCEGAHAN Rajwani Md. Zain, Khairullah Mokhtar & Mushaddad Hasbullah	328
PEMAHAMAN SERTA PENGAMALAN MAKANAN SUNNAH DAN SUNNAH PEMAKANAN WARGA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) JOHOR KAMPUS PASIR GUDANG Siti Fairuz Sujak, Noor Syahida Md Soh, Azizah Md. Kasah, Siti Zaleha Syafiee, Noraishah P. Othman, Rohaya Sulaiman, Nor Fazlin Uteh & Zuliana Zoolkefli	335

SCIENCE AND TECHNOLOGY

- HARM REDUCTION IN CARTILAGE TISSUE ENGINEERING EXPERIMENTATION: A COMPARATIVE REVIEW BETWEEN ISLAMIC AND CONVENTIONAL ETHICS 346
Muhammad Aa'zamuddin Ahmad Radzi, Abdurezak Abdulahi Hashi, Zainul Ibrahim Zainuddin, Rozlin Abdul Rahman, Norhamiza Mohamad Sukri, Mohd Yusof Mohamad, Noorhidayah Md Nazir, Wan Ahmad Dzulkarnain Razali & Munirah Sha'ban
- THE IMPACT OF SCIENCE AND TECHNOLOGY TOWARDS RURAL COMMUNITY IN UNDERSTANDING ISLAM 359
Abdul Hapes bin Mohammed & Nurul Diana bt Mohamed Iqbal
- KERANGKA TEORI E-WASIASAT 366
Zainal Fikri Zamzuri, Noormala Rabu, Abdullah Hj Said & Mohd Fauzi Md Isa
- KAJIAN TINJAUAN LITERATUR TERHADAP APLIKASI MUDAH ALIH BERUNSURKAN ISLAM "ISLAMIC MOBILE APPS" 373
Ronizam Ismail, Shahrul Niza Samsudin, Wahid Ab Sulaiman, Norzaimah Zainol & Dina Syafini Zaid

ECONOMICS

- المضاربة الشرعية البديل الإسلامي للفائدة الربوية 388
عبدالله بن عمر بلعدي
- AWARENESS OF CASH WAQF AMONG THE MALAYSIAN MUSLIMS 409
Wan Musyirah binti Wan Ismail, To' Puan Prof Dr Rokiah binti Embong, Nur Hayati binti Abd Rahman, Noor Rafhati binti Romaiha & Nur Hazwani binti Mohamad Roseli
- DELIVERING CONVENIENT SERVICE AND BETTER ZAKAT DISTRIBUTION MANAGEMENT THROUGH UITM PULAU PINANG eZAKAT SYSTEM 421
Naemah Abdul Wahab, Saiful Nizam Warris, Jamal Othman & Muhammad Che Saad
- KEUSAHAWANAN TANI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM 432
Noorfazreen Mohd Aris, Sharipah Amirah Hj Abas, Sarah Dina Mohd Adnan, Mariam Farhana Md Nasir & Hamidah Jalani

FINANCE

- A STUDY OF THE ATTRACTIVENESS ON ISLAMIC PAWNBROKING AT AR-RAHNU MAIDAM KUALA TERENGGANU 443
Najdah bt Abd Aziz, Syahrul Hezrin bin Mahmud, Nurul Syazwani binti Ahmad, Adida binti Muhammad, Asmawati@Fatin Najihah bt. Alias & Rubiah Abu Bakar
- EXAMINING THE DIFFERENCES BETWEEN AR RAHNU AND CONVENTIONAL PAWN BROKING IN COMPATIBILITY TOWARDS MAQASID SHARIAH 455
Salbiah Nur Shahrul Azmi, Nazimah Hussin & Rohaida Basiruddin
- THE MAIN FACTORS THAT INFLUENCE THE PUBLIC TO PURSUE ISLAMIC PAWN BROKING (AR-RAHNU) COMPARE TO THE CONVENTIONAL PAWN BROKING IN KUALA TERENGGANU 467
Rubiah Abu Bakar, Najdah bt Abd Aziz, Syahrul Hezrin bin Mahmud, Norliyana binti Zulkifli Mohd, Adida binti Muhammad & Asmawati@Fatin Najihah bt. Alias
- THE AWARENESS OF EFFECTIVE FINANCIAL PLANNING AMONG THE STUDENTS OF FACULTY OF BUSINESS AND MANAGEMENT UITM MELAKA CITY CAMPUS 476
Mohd Sufian bin Ab Kadir, Mohd Fuad bin Othman, Nur Izzati binti Abas, Saloma binti Mohd Yusoff, Maymunah Ismail, Sharina Shariff
- PANDANGAN FUQAHA MALIKI TERHADAP JUALBELI SUKUK PADA ZAMAN MARWAN AL-HAKAM: SATU ANALISIS RINGKAS 501
Mohd Asyadi Redzuan, Mohd Farhan Ahmad, Siti Noor Ain Aziz & Shahidatul Ashikin Shahrhan
- PENILAIAN KESAHAN INSTRUMEN PELABURAN EMAS PATUH SYARIAH (IPEPS) DENGAN MENGGUNAKAN MODEL PENGUKURAN RASCH 506
Najahudin Lateh, Ghafarullahuddin Din, Muhammad Rahimi Osman, Ezani Yaakob & Salmi Edawati Yaacob

PHILANTHROPY

- DANA KHAIRAT: PENGALAMAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI 515
Hasan Bahrom & Rawi Nordin

PHILOSOPHY

THE SIGNIFICANCE OF RELIGIOUS KEY TERMS AND THEIR NEW MEANINGS IN AL-FARUQI'S AL-TAWHID: ITS IMPLICATIONS FOR THOUGHT AND LIFE 520
Fadzilah Din

LEGASI MAZHAB SYAFI'I DI MALAYSIA: ANTARA KEKANGAN TRADISIONALISME DAN TUNTUTAN LIBERALISME 526
Muhammad Ikhlas Rosele, Mohd Anuar Ramli, Mohd Farhan Md. Ariffin & Syamsul Azizul Marinsah

KAJIAN PEMIKIRAN BADIUZZAMAN SAID NURSI TERHADAP KENABIAN BERDASARKAN KITAB RASAIL AN-NUR 535
Muaz bin Hj. Mohd Noor, Faizuri bin Abdul Latif, Mohd Zaid bin Mustafar, Mohd Khairul Nizam bin Mohd Aziz, Muhammad Taufik Md Sharipp, Mohd Norazri bin Mohamad Zaini & Mohd Paidi bin Noman

PANDANGAN HAMKA TERHADAP AYAT-AYAT EMBRIOLOGI DALAM TAFSIR AL-AZHAR 547
Wan Helmy Shahrman Wan Ahmad, Sharifah Norshah bani bt Syed Bidin & Kamarul Shukri bin Mat Teh

KAJIAN *TURATHIY* DAN '*ILMIY* TERHADAP BUAH-BUAHAN DAN HERBA YANG DISEBUT DALAM AL-QURAN DAN AL-HADITH 556
Mohd Asmadi Yakob, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, Monika @ Munirah Abd Razzak, Khadher Ahmad, Nurulwahidah Fauzi, Khalijah Awang, Rozana Othman & Mohd Rais Mustafa

LANGUAGE AND COMMUNICATION

MEDIA SOSIAL SEBAGAI MEDIUM TERKINI PEMBENTUKAN AKHLAK DALAM KALANGAN PELAJAR 571
Aina Sabariah Md. Isa & Huzaimah Hj Ismail

FAMILY COMMUNICATION MANAGEMENT FROM MUSLIM ADOLESCENT PERSPECTIVE 581
Azyiah binti Abu Bakar

KEBERKESANAN DAKWAH MELALUI LAMAN JARINGAN SOSIAL DALAM MEMBENTUK MASYARAKAT ISLAM 593
A.Rauf Ridzuan, S. Salahudin Suyurno, Rusydi Kamal, Fakrulnizam Jafri, Dzaa Imma Abd Latif & Siti Nurshahidah Sah Alam

فوائد وسائل الإعلام الحديثة وأضرارها على الإسلام والمسلمين: الإنترنت نموذجًا	600
محمد الأمين محمد سيلا	
THE ROLE OF PARENTAL COMMUNICATION IN DEVELOPING MUSLIM PERSONALITY: AN OVERVIEW OF PARENTAL ACCEPTANCE-REJECTION THEORY	606
Aini Faezah Ramlan, S. Salahudin Suyurno, Muhammad Shafiei Ayub, Rosilawati Sultan Mohideen & Norazlinda Hj Mohammad	
PERANAN LAMAN JARINGAN SOSIAL DALAM MENGUKUHKAN UKHWAH KEKELUARGAAN	614
Rosilawati Sultan Mohideen, Abdul Rauf Ridzuan, Aini Faezah Ramlan, Fakhruhnizam Jafri & Faridah Hanem Ab. Rashid	
KESAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL TERHADAP PERPADUAN UMMAH DI KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA	620
Afiqah Mior Kamarulbaid, Abd Rauf Ridzuan, Siti Nur Fadzilah Abdullah, Efina Hamdan & Mohd Hilmi Bakar	
PENCARIAN TEMAN HIDUP BERLANDASKAN ISLAM MELALUI LAMAN JARINGAN SOSIAL	627
Fakrulnizam Jafri, Abdul Rauf Ridzuan, Rusydi Mohamad Kamal, Rosilawati Sultan Mohideen & Nur Alyani Mohd Shukri	
AN ADVERTISING MEDIA: THE RELATIONSHIP OF ADVERTISING MESSAGE, IMAGE AND LANGUAGE USAGE TOWARDS SENSITIVITY IN ISLAMIC PERSPECTIVE	636
Norazlinda Hj. Mohammad, Norida Abu Bakar, Nurliyana Kamilah Khairul Anuar, Siti Nur Fadzilah Abdullah, Aini Qamariah Mohd Yusof	
HIKMAH DALAM BERDAKWAH SEBAGAI MANHAJ RABBANIYYAH: SATU SOROTAN DEFINISI	645
S.Salahudin Suyurno, Mohammad Taufik Md Sharipp, Mohamad Shafiei Ayub, Muaz Mohd Noor, Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz, Mohd Zaid Mustafar & Abdul Qayuum Abdul Razak	
PEMBIKINAN FILEM ISLAM DI MALAYSIA: PERJALANAN DAKWAH ATAU PELABURAN KOMERSIL	651
Shafezah Abdul Wahab, Siti Najah Raihan Sakrani & Prof Madya Dr Mohd Adnan Hashim	

MANAGEMENT

- THE EFFECTS OF SERVICE QUALITY TOWARDS CUSTOMER SATISFACTION OF ISLAMIC BANK IN KUANTAN PAHANG 659
Maz Izuan Mazalan, Faresya Zunaida Mohd Zubair & Rozman Mohd Yusof
- COMPATIBILITY OF PLANTS APPLICATION WITH ISLAMIC VALUES IN THE MALAY LANDSCAPE OF KOTA BHARU CITY 680
Nur Hafizah Ramle & Nik Ismail Azlan Rahman
- THE IMPLEMENTATION OF SHARIAH COMPLIANT HOTEL: A CASE STUDY OF PULAI SPRINGS RESORT BERHAD 688
Zuliana binti Zoolkefli, Nor Fazlin binti Uteh, Ruqaiyah binti Ab Rahim & Noor Syahida binti Md Soh
- A DETERMINANT MODEL FOR ISLAMIC MANAGEMENT 692
Azman Che Omar



Prakata

Sejarah warisan Islam telah memberikan impak yang cukup besar kepada perkembangan dunia hari ini. Ia bukan sahaja memberi sumbangan kepada aspek kerohanian malah turut menyumbang kepada aspek ekonomi, politik, pendidikan, sosial, kesenian, kebudayaan, sains dan teknologi. Perkembangan ini memperlihatkan bahawa pentingnya ketamadunan ilmu kepada ketamadunan dunia. Perkara ini selaras dengan tuntutan al-Quran yang menyatakan dengan jelas bahawa Allah SWT memuji sesiapa yang berusaha menuntut ilmu dan juga bertaqwa kepadaNya. Namun sejak akhir-akhir ini, sumbangan hasil pensejarahan Islam sering dipandang sepi oleh generasi muda. Sejarah warisan Islam tidak lagi dijadikan panduan dan iktibar dalam melebarkan ketamadunan ilmu Islam. Mereka lebih tertumpu kepada ketamadunan Barat yang dikatakan ‘kaya’ dengan khazanah ilmu. Sedangkan kemajuan hari ini seharusnya berlandaskan kepada ketamadunan Islam.

Penelitian atau pengkajian mengenai warisan Islam perlu direncanakan sebagai ketamadunan dunia. Idea-idea baru mengenai sejarah warisan Islam perlu diketengahkan, Oleh yang demikian, menerusi *1st International Islamic Heritage Conference (IsHeC 2015)* dilihat akan dapat membantu kepada perkembangan produksi seterusnya menjana idea-idea baru khususnya untuk memperkayakan kajian dalam bidang sejarah warisan Islam kepada masyarakat. Dengan penganjuran seminar ini secara tidak langsung membantu untuk menjalinkan hubungan antara para sarjana dalam bidang sejarah warisan Islam. Ini adalah satu cabaran dan membuka peluang baru untuk membina satu perpaduan intelektual merentas sempadan dunia.

Buku ini merupakan kompilasi diskusi ilmu antara para ilmunan yang terlibat secara langsung dalam pembentangan kertas kerja mereka dalam *1st International Islamic Heritage Conference (IsHeC 2015)* daripada pelbagai platform ilmu Islam antaranya Kesenian, Ketamadunan, Komunikasi, Pendidikan, Kewangan, Sains dan Teknologi dan lain-lain lagi. Semoga curahan ilmu melalui penulisan ini mampu memberi sumbangan dalam menambah khazanah ilmu Islam kepada masyarakat.

Editor,

1st International Islamic Heritage Conference (IsHeC 2015),

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,

UiTM Melaka.

Kata Aluan Rektor UiTM Melaka

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih
Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh

Segala puji bagi Allah, Tuhan seru sekalian alam, dengan limpah kurniaNya serta keizinanNya, kejayaan penganjuran *1st International Islamic Heritage Conference 2015* yang berlangsung di Hotel Mahkota Melaka pada 11-12 November 2015, telah menghasilkan banyak kertas kerja yang amat bermutu. Justeru, buku ini mengumpulkan puluhan penulisan para ilmuan dan cendekiawan dari dalam dan luar negara untuk bacaan semua.

Pelbagai isu telah dikupas termasuklah perihal seni Islam, budaya, politik, gendar, pendidikan, sejarah, kemasyarakatan, sains dan teknologi, ekonomi, kewangan, falsafah, bahasa dan komunikasi, kedermawanan dan pengurusan. Pembaca juga akan mendapati buku ini memuatkan kajian-kajian yang komited melaksanakan usaha mengintegrasikan antara ilmu duniawi dan ukhrawi. Ini membuktikan kesegaran keilmuan tamadun Islam itu sendiri.

Semoga perkongsian ilmu ini dapat meningkatkan komitmen umat dalam memartabatkan perintah Ilahi dalam kehidupan duniawi sebagai jambatan ukhrawi. Sekaligus ia bakal memberi manfaat pada alam sejagat.

Pihak UiTM Melaka merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan terima kasih atas segala sokongan dalam bentuk material, tenaga dan sebagainya dalam merialisasikan seminar ini. Buat semua penaja yang telah memberikan sumbangan kepada wacana ini, sekalung penghargaan diucapkan. Semoga seminar dwi tahunan ini akan terus diperkasakan demi mengangkat martabat umat melalui kecemerlangan tamadun Islam yang diakui telah terbukti diseluruh jagat.

Sekian, terima kasih. Wassalam

PROF. MADYA DR MOHD ADNAN BIN HASHIM

Rektor ,
UiTM Melaka.

PEMBIKINAN FILEM ISLAM DI MALAYSIA: PERJALANAN DAKWAH ATAU PELABURAN KOMERSIL

Shafezah Abdul Wahab¹
Siti Najah Raihan Sakrani²,
Prof Madya Dr Mohd Adnan Hashim³

ABSTRAK

Terdapat perbezaan antara penghasilan filem Islam dan filem berkonsepkan Islam di Malaysia yang mana usaha begini kurang mendapat perhatian dari kalangan karyawan serta penonton filem tempatan ditambah pula dengan pasaran terhad di peringkat lokal. Hal ini seolah-olah memperlihatkan dakwah Islam tidak dapat dipupuk melalui medium filem sepertimana yang dihasilkan dalam industri perfileman Islam di Indonesia dan Iran yang banyak memartabatkan Islam dalam karya filem. Polemik ini mendapat perhatian dan seringkali menjadi perdebatan di kalangan penggiat seni dan ulama. Persoalannya ialah bagaimanakah filem Islam ini mampu menjadi medium dakwah sekaligus mendapat tempat di hati penonton dan menembusi pasaran global. Kajian ini melihat bagaimana karyawan menggunakan filem sebagai medium dakwah serta menganalisa intipati kandungan filem yang dihasilkan. Metodologi kajian menggunakan apparatus temubual bersama prospek kajian daripada tiga bidang perfileman yang meninjau dari sudut akademik, penggiat seni serta persatuan sutradara. Hasil dapatan kajian diharapkan mampu memberi satu gambaran yang kolektif kepada industri filem negara khususnya dalam penghasilan genre Islam.

Katakunci : *Filem, Islam, Media, Dakwah*

1.0 PENDAHULUAN

Filem adalah medium seni yang mempunyai pelbagai genre seperti drama, romantik, komedi, aksi dan seram yang bertujuan memberi pilihan kepada penonton. Bukan setakat hiburan, filem ada kalanya turut memainkan peranan sebagai alat propaganda dan bersifat Islam dalam usaha untuk menyebarkan dakwah agama.

Kebanyakan pembikin filem tempatan menggunakan medium ini sebagai satu lombong menghasilkan duit. Berkaitan hal inilah, kita menyaksikan lambakan karya filem tempatan menjurus ke arah komersial berbanding kualiti mahupun mesej yang mahu diterapkan dalam sesuatu karya seni.

Tidak salah sekiranya ramai berpendapat industri perfileman tempatan kini rata-rata menjadi pengikut berbanding usaha mendahului sebagai pemula dalam mencetus fenomena baru dalam industri perfileman. Jika dilihat di layar sinema, penonton lebih ramai dimomokkan cerita seram dan tahyul. Di pentas teater pula, kita lebih cenderung hanyut dengan kisah cinta yang dipaparkan.

Berasaskan negara Islam dan mempunyai majoriti masyarakat Islam, tidak salah sekiranya filem Islam atau filem berunsur Islam diselitkan sebagai satu lagi genre utama dalam kamus karyawan tempatan. Selain menghiburkan, secara tidak langsung ia satu cabang dakwah yang dapat dikongsikan bersama untuk perpaduan masyarakat.

Kejayaan dan penerimaan filem mahupun sinetron Islam dari luar negara seperti Indonesia dan Iran menunjukkan masyarakat Malaysia sudah mempunyai kesedaran terhadap elemen dakwah menerusi karya seni ini. Hal ini semakin mendapat perhatian pembikin filem dan penonton sejak akhir-akhir ini. Ini adalah pelonjak baik mewarnai industri seni tempatan dengan karya baru. Bagaimanapun, ramai yang masih keliru mahupun berselisih pendapat berhubung definisi filem Islam.

Penerapan mesej dan isu sosial menerusi filem adalah dalam kerangka untuk mendidik dan membangunkan minda masyarakat. Penghasilan karya yang memberi fokus kepada nilai-nilai murni dengan berasaskan syariat Islam boleh dijadikan platform dakwah kepada masyarakat. Selain itu, genre filem Islam membuktikan keindahan Islam itu sendiri yang bersifat sempurna, saling lengkap melengkapi dalam menyelesaikan isu-isu kehidupan.

Menjadikan Indonesia sebagai rujukan, kejayaan filem *Ayat-Ayat Cinta* dan *Ketika Cinta Bertasbih* sebenarnya adalah hasil dari perjuangan para pengkarya genre Islam di Indonesia sejak 40 tahun dulu di mana ia dimulakan dengan penerbitan filem *Di Bawah Lindungan Kaabah* (1978). Filem arahan Asrul Sani ini adalah adaptasi dari novel agung Prof Hamka.

Banyak filem genre Islam diterbitkan dan kebanyakannya adalah daripada adaptasi novel. Tema cinta dan perjuangan wali Songo antara yang paling banyak diterbitkan.

Filem *Ayat-Ayat Cinta* (2008) yang di adaptasi dari novel popular Habiburrahman berjaya menawan hati penonton. Begitu juga dengan filem kedua *Ketika Cinta Bertasbih* (2009) juga dari adaptasi novel Habiburrahman terus mendapat sambutan *box office* dan menjadi fenomena di Indonesia.

Di celah-celah dua filem Islam tersebut, juga ada banyak lagi filem genre Islam dan dakwah yang muncul di Indonesia. Antaranya *Sang Murabi*, *Sang Pencerah*, *Mengaku Rasul*, *Perempuan Berkalong Sorban*, *Kiamat Sudah Dekat*, *Laskar Pelangi*, *Syahadat Cinta* dan *3 Doa 3 Cinta*.

Dalam konteks bidang perfileman di Malaysia, peminat telah disajikan dengan beberapa filem yang boleh dikategorikan sebagai Islam sejak era 1950-an. Sebagai contoh, Allahyarham Tan Sri P Ramlee pernah mengarah dan membintangi filem *Semerah Padi* pada 1956 yang memaparkan elemen ajaran Islam.

Adegan filem itu antara lain memaparkan adanya elemen ajaran Islam yang mengenakan hukuman sula terhadap pasangan yang sudah berkahwin, tetapi melakukan perzinaan. Perkara itu membuktikan sejak dunia perfileman Melayu mula bertapak di Singapura pada awal 1940-an sudah ada pengaruh Islam di dalamnya. Namun, ramai yang terus memperkatakan kesyumuluan ajaran Islam yang cuba diterapkan dalam filem genre ini kerana ia dikatakan belum sepenuhnya menepati kriterianya.

Walaupun mungkin filem Melayu *Sumpah Semerah Padi* (1956), *Syukur 21* (2000), *Dua Kalimah* (2013) dan *Ustaz Mu Tunggu Aku datang* (2013) adalah filem genre Islam di Malaysia namun sebenarnya industri filem di Malaysia masih ketinggalan jauh di belakang Indonesia.

Menghasilkan sebuah filem Islam juga harus dilihat dari sudut pengisian mesejnya. Filem Islam adalah filem yang menjadikan Islam itu sebagai teras cerita atau mesejnya bukan ditempel-tempel dalam penceritaannya semata. Kita memerlukan para pengkarya terutamanya dari kalangan penulis skrip yang mempunyai *fikrah* untuk menerajui penerokaan dan penerbitan filem genre Islam ini seperti mana Indonesia mempunyai penulis skrip berwibawa seperti Habiburrahman.

Sebelum seseorang pembikin filem menghasilkan satu karya Islam, terlebih dulu mereka perlu mengetahui definisi sebenar mengenai karya ataupun filem Islam itu sendiri.

Menurut Ahli Persatuan Pengarah Filem Malaysia (FDAM), Jamil Mutalib, definisi filem Islam terbahagi kepada dua; Filem Islam dan Filem Berkonsepkan Islam.

Wujud kekeliruan takrifan filem Islam itu sendiri. Filem Islam difokuskan kepada dua perspektif iaitu filem Islam dan filem berkonsepkan Islam (Jamil Mutalib, 2012).

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian ini adalah berkaitan penerbitan dan penghasilan filem Islam di Malaysia dari segi kandungan dan plot cerita yang berkurangan berbanding industri perfileman di Indonesia dan Iran. Ini bererti kajian ini melihat penglibatan dan komitmen karyawan dan seniman dalam penghasilan karya seni mengikut syariat Islam.

Justeru, kajian ini melihat khusus kepada polemik penghasilan filem Islam di Malaysia. Kajian ini menumpukan kepada penghasilan seni filem Islam dalam konteks skrip, jalan cerita dan batas susila artis dalam filem.

1.2 Pernyataan Masalah

Terdapat perbezaan antara penghasilan filem Islam dan filem berkonsepkan Islam di Malaysia yang mana usaha begini kurang mendapat perhatian dari kalangan karyawan serta penonton filem tempatan ditambah pula dengan pasaran terhad di peringkat lokal. Hal ini seolah-olah memperlihatkan dakwah Islam tidak dapat dipupuk melalui medium filem sepertimana yang dihasilkan dalam industri perfileman Islam di Indonesia dan Iran yang banyak memartabatkan Islam dalam karya filem. Polemik ini mendapat perhatian dan seringkali menjadi perdebatan di kalangan penggiat seni dan ulama. Persoalannya ialah bagaimanakah filem Islam ini mampu menjadi medium dakwah sekaligus mendapat tempat di hati penonton dan menembusi pasaran global.

1.3 Objektif Kajian

Secara khususnya kajian ini bertujuan mendapatkan maklumat berkaitan penglibatan karyawan dalam penghasilan filem Islam dan filem berkonsepkan Islam sekaligus melihat di tahap mana kefahaman mereka dalam menyampaikan mesej dakwah dalam karya filem. Justeru, dua objektif telah digariskan bagi menentukan hala tuju kajian ini;

1. Melihat bagaimana karyawan menggunakan medium filem sebagai platform dakwah.
2. Menganalisa intipati kandungan filem Islam yang dihasilkan.

1.4 Persoalan kajian

Berdasarkan objektif-objektif kajian yang telah dinyatakan, persoalan-persoalan kajian berikut digarapkan melalui analisis kandungan kualitatif.

1. Bagaimana karyawan menggunakan medium filem sebagai platform dakwah?
2. Apakah intipati kandungan filem Islam yang dihasilkan?

1.5 Skop Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada karyawan yang menghasilkan filem-filem di Malaysia khususnya penghasilan filem Islam dan berkonsepkan Islam.

1.5.1 Karyawan :

Mereka yang terlibat dalam penghasilan dan penerbitan seperti pengarah, penerbit, penulis skrip dan sebagainya di Malaysia.

1.5.2 Filem Islam :

Filem yang mengikut syariat Islam dalam setiap pengucapan skrip, perilaku dalam pelbagai babak, akhlak dan batasan aurat serta keseluruhan proses penerbitan sepanjang produksi.

1.5.3 Filem Berkonsepkan Islam

Filem yang berkonsepkan dan dilakonkan berdasarkan syariat Islam melalui skrip, lakonan, dan akhlak dalam produksi.

1.5.4 Tiga responden yang terlibat dalam kajian ini;

- i. Ahli Persatuan FDAM : Jamil Mutalib
- ii. Pengarah/Penerbit : Erma Fatima Rahmad
- iii. Penulis/Pensyarah : Syed Zulkifli Syed Masir

654

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting memandangkan kecenderungan karyawan di Malaysia lebih cenderung menghasilkan filem komersil berbanding mesej dakwah yang hendak disampaikan dalam memupuk sahsiah dan peribadi masyarakat lebih baik.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini menumpukan kepada karyawan yang menghasilkan karya filem Islam di Malaysia dan jumlah karyawan ini adalah terhad.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Sejak tahun 2005 hingga kini, lebih daripada 300 buah filem diterbitkan di negara ini, tetapi hanya sedikit yang mengangkat Islam sebagai tema dan persoalan utama. Persoalan Islam belum menerjah ke dalam minda dan budaya kerja pembikin filem Malaysia. Tidak terdapat filem genre Islam meskipun di sana sini terdapat unsur Islam diselitkan. Berdasarkan filem yang diterbitkan, hanya terdapat sedikit filem yang menyelitkan unsur Islam secara langsung.

Jika dalam filem Barat kita dapat menyaksikan penjonjolan tema ketuhanan dan agama Kristian, tidak demikian bagi filem di negara ini. Kemunculan genre tersebut dalam kalangan pembikin filem di Barat merupakan inisiatif untuk memenuhi cita rasa khalayak yang mencari erti hidup sebenar, terutama dari segi kerohanian dan ketuhanan. **Filem The Passion of Christ** (2004), umpamanya, begitu mendapat sambutan dan mencapai taraf pecah panggung.

Jika diteliti filem di India, satu daripada kegemaran pembikin filem ialah menonjolkan kehebatan agama Hindu. Rachel Dwyer melihat adanya watak tertentu dalam filem di India yang memiliki ciri sebagai filem agama. Bagi Dwyer, terdapat dua model bagi filem di India, iaitu filem mitologi dan filem ketakwaan. Filem berasaskan mitologi menyerlahkan kehidupan para dewa dan pahlawan daripada khazanah besar mitologi Hindu, seperti yang terkandung dalam epik Sanskrit, *Mababarata* dan *Ramayana*.

Sebaliknya, filem berteraskan ketakwaan menggambarkan kehidupan orang suci yang mengabdikan kehidupan mereka untuk agama. Hal ini tidak jauh berbeza daripada filem agama Kristian, seperti **The Ten Commandments** (1956), **The Passion of Christ** (2004), **Leap of Faith** (1992), **Da Vinci Code** (2006) and **2012** (2009). Sifat kegamaan dalam filem Hindu dan Kristian turut mengangkat dan memperagakan ikon dan simbol agama terbabit.

Memang terdapat perbezaan antara filem Islam dengan filem yang berkonsepkan Islam ke dalamnya. Filem yang berkonsepkan atau berunsur Islam merupakan filem yang mengangkat persoalan Islam, sesuai dengan ajaran Islam, dan tidak semestinya keseluruhan filem itu berunsur Islam. Unsur Islam itu boleh jadi dalam bentuk perlambangan, sinematografi, semiotik, kontekstual, teknikal, pakaian, dramatik atau naratif. Mengikut Naim Ahmad, filem Islam membawa mesej penyerahan, pengabdian, kepatuhan, dan kepercayaan kepada ajaran Allah sebagai Pencipta. Filem Islam merupakan produk halal pada peringkat prapenerbitan, penerbitan, dan pascapenerbitan selari dengan kod etika dan nilai Islam, termasuk dari segi pergaulan di tempat penggambaran dan pakaian pelakonna.

Keadaan ini agak berbeza daripada perkembangan di Iran dan Indonesia yang galak menerbitkan filem sedemikian. Bagi sesetengah pihak, filem **Ayat-Ayat Cinta** dan **Ketika Cinta Bertasbih** (2009) merupakan titik tolak perkembangan filem genre Islam. Sebenarnya, filem genre Islam telah lama berkembang di negara itu. Kejayaan filem terbabit merupakan hasil perjuangan dan kegigihan para karyawan filem genre Islam di Indonesia sejak lebih empat dekad yang lalu sesudah beredarnya filem **Di Bawah Lindungan Kaabah** (1978), arahan Asrul Sani, yang diadaptasikan daripada novel karya Hamka.

Fenomena yang merebak di Indonesia yang disebabkan oleh kemunculan filem tersebut kelihatannya tidak memberikan kesan kepada kepenontonan dan penerbitan filem genre Islam di Malaysia. Sebagai buktinya, dunia perfileman kita masih kemaruk dengan filem cinta, komedi dan seram. Kebanjiran filem tersebut dalam pasaran berlaku kerana

penerbit percaya bahawa itulah jenis filem yang diminati penonton. Mereka sekadar memenuhi cita rasa dan permintaan penonton.

Pada hakikatnya, satu daripada sebab popularnya filem berunsur komedi, seram, dan cinta ialah tekanan hidup yang dihadapi penonton. Sesuai dengan peranannya sebagai saluran hiburan, menonton filem dianggap sebagai pelarian daripada tekanan hidup. Penonton kita masih terkurung dalam kepompong kisah remeh-temeh, lawak bodoh, dan unsur kurafat dan misteri.

Industri perfileman Malaysia masih tandus dan gagal menghasilkan karya-karya berunsur Islam yang berkesan untuk berdakwah kepada masyarakat (Habiburrahman el-Sirazy, 2014).

Habiburrahman menegaskan bahawa pembikin filem di Malaysia masih tidak berani menonjolkan amalan Islam dalam karya-karya mereka menyebabkan mereka ketinggalan berbanding karya dari negara jiran itu. Apa yang paling penting adalah niat. Masyarakat semestinya akan melihat hasil kerja kita yang semuanya bergantung kepada penulis itu sendiri.

Di Malaysia, masih tidak berani menaikkan nilai dan imej-imej Islam dengan lebih mendalam dan contoh yang paling mudah seperti aktiviti keagamaan di dalam masjid. Manakala di Indonesia, karyawan mengangkat masjid sebagai nilai Islam.

Terbitan karya Islam perlu mempamerkan identiti Islam mengikut tuntutan Islam. Setakat ini belum ada satu filem pun di Malaysia yang boleh dikategorikan sebagai filem Islam dari segi naratifnya. Islam itu berkait rapat dengan ilmu dan menjurus kepada kebaikan yang sejati. Bolehkah filem itu dikatakan sebuah filem Islam kalau masih ada unsur mungkar di dalamnya? Misalnya, pelakon wanita tidak menutup aurat ataupun lelaki dan wanita bukan muhrim berpegang tangan? (Jamil Mutalib, 2013)

Bagaimanapun, ramai di kalangan karyawan tempatan yang kini banyak menghasilkan garapan idea seni berlandaskan susila Islam. Ini termasuk penyampaian mesej kesedaran mahupun pengajaran berlandaskan tuntutan Islam. Sungguhpun begitu, jalan penceritaan karya ini tidaklah konservatif dan melalui arus modenisasi dalam masyarakat.

Asas penting dalam penyampaian dakwah menerusi medium seni ini perlu memberi implikasi positif kepada penonton dari segi mesej yang berlandaskan tauhid, tunduk dan penyerahan diri kepada agama Islam.

Hujah yang dilontarkan oleh Jamil Mutalib ada benarnya. Andai diperhatikan, industri sinema Malaysia sejak kebelakangan ini lebih cenderung menerbitkan filem bertentangan dengan budaya masyarakat negara ini.

Karyawan filem Melayu dilihat semakin terbuka dalam berkarya dan masing-masing seperti mahu menjadi jaguh dalam gelanggang filem. Oleh kerana keterbukaan itu jugalah, kita menyaksikan filem seperti Dalam Botol, Dua Alam, Chukang dan beberapa lagi filem lain diterbitkan.

Kebimbangan sebilangan besar masyarakat Malaysia ialah sampai bilakah kita harus membenarkan karya sebegini diterbitkan dan berapa banyak filem yang bertemakan Islam dihasilkan oleh karyawan filem hari ini yang boleh kita senaraikan? Barangkali, dalam tempoh sedekad lalu, kita mungkin hanya teringatkan filem Syukur 21 (2001).

Menurut Setiausaha Kehormat FDAM, Datuk Abdul Rahim Awang sebelum menghasilkan sesuatu naskhah Islam, terlebih dulu perlu mengenali Islam yang dikenali dengan sifat ad-din. Perlu faham kehidupan sebenar dicerminkan dasar Islam.

Setiap karyawan perlu mempunyai niat dan motif untuk sesuatu penerbitan itu dilakukan. Adakah ia satu cabang komersil yang akan menguntungkan pihak produksi atau keutamaan pada mesej dan penceritaan yang mahu disampaikan (Abdul Rahim Awang, 2015)

3. METODOLOGI KAJIAN

Menurut Burn (1995), Merriem (1998) dan Yin (1995) penggunaan rekabentuk penyelidikan kajian kes menggunakan kaedah kualitatif amat sesuai apabila melibatkan pemerhatian terhadap individu atau unit, satu kumpulan manusia, satu kelas, sekolah, masyarakat,

peristiwa atau budaya. Satu kajian kes haruslah memfokuskan kepada subjek yang mempunyai kriteria atau ciri yang ingin dikaji. Ini bermakna sesuatu kajian kes kebanyakannya mengkaji tentang individu atau peristiwa dalam lingkungan budaya atau persekitaran mereka (Burn, 1995).

Beberapa penyelidik kebelakangan ini telah menekankan tentang kebaikan kajian kes. Sebagai contoh Merriem (1998), menyatakan kajian kes telah meningkatkan kefahaman yang mendalam terhadap subjek yang dikaji, memfokuskan lebih kepada proses berbanding output serta mementingkan penemuan lebih daripada pengesahan teori atau dapatan kajian. Menurut Yin (1995), kajian kes adalah strategi penyelidikan yang memfokus kepada persoalan 'siapa', 'mengapa' dan 'apakah'. Ini bermakna kajian kes dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan lebih holistik bagi mengetahui ciri – ciri dalam sesuatu peristiwa atau kehidupan sebenar. Untuk mendapatkan gambaran yang lengkap, sesuatu kajian kes perlulah melakukan pengumpulan data dari pelbagai sumber bagi membolehkan pemahaman yang mendalam terhadap sesuatu kajian (Burn, 1995).

Kaedah ini memberatkan usaha untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Kebanyakan kajian dalam bidang ini memberikan keterangan, interpretasi, atau makna dalam sesuatu proses komunikasi. Kaedah ini juga lebih merupakan usaha untuk memberikan keterangan tentang sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan pandangan umum tentang apa-apa saja tindakan sosial. Justeru, penyelidikan kualitatif tidak tertumpu ke arah pengutipan maklumat yang banyak. Sebaliknya, kaedah ini berusaha untuk memperoleh maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil. Antara kaedah kajian kualitatif yang digunakan dalam penyelidikan mengenai filem Islam adalah seperti yang berikut:

1) Kaedah Pensejarahan-Kritikal

Direka untuk memberikan keterangan tentang sesuatu tempoh, orang perseorangan, atau sesuatu fenomena dengan tujuan untuk menginterpretasikan atau menilai komunikasi serta kesannya.

- i. Pensejarahan—misalnya kajian penerimaan karya filem Islam yang diminati sama ada negatif atau sebaliknya.
- ii. Kritikal—misalnya kajian untuk menentukan sama ada media memberikan laporan dan pendedahan seimbang tentang penghasilan filem Islam.

2) Kajian Kes dan Kajian Interpretatif

Kajian melibatkan pertanyaan intensif tentang peristiwa, pihak, atau unit sosial tertentu; pendekatan ini cuba mencari tema atau cerita yang boleh membantu usaha menginterpretasikan atau memahami kes. Contohnya, mengkaji persekitaran peningkatan trend penghasilan dan pembabitan karyawan dalam filem Islam dan filem berkonsepkan Islam.

3) Kajian Pemerhatian Penyertaan

Pengkaji memainkan peranan sebagai agen aktif dalam keadaan yang sedang dikaji. Contohnya, mengkaji proses penghasilan dan penulisan berita mengenai liputan filem Islam.

4. ANALISIS DATA

Analisis data dilakukan melalui apparatus temubual bersama prospek kajian daripada tiga bidang perfileman iaitu dari sudut akademik, penggiat seni serta persatuan sutradara. Hasil dapatan kajian diharapkan mampu memberi satu gambaran yang kolektif kepada industri filem negara khususnya dalam penghasilan filem Islam.

Karyawan Menggunakan Medium Filem Sebagai Platform Dakwah

Islam disebut agama dakwah, maksudnya adalah agama yang disebarluaskan dengan cara damai, tidak dengan cara kekerasan. Islam menghendaki masyarakat yang ideal bagi akidah, ibadah, mahupun akhlakunya, akan tetapi dalam sejarah kemanusiaan masyarakat belum pernah wujud secara utuh, oleh sebab itulah dakwah perlu dilakukan untuk meningkatkan kualiti spiritual manusia secara perseorangan mahupun masyarakat.

Salah satu alternatif dakwah yang cukup efektif adalah melalui medium filem. Ini adalah kerana dengan kemajuan teknologi di zaman sekarang pemanfaatan media filem cukup efektif, sebagaimana diketahui pada era sekarang ini industri perfileman semakin maju dan berkembang.

Maka dengan ini filem yang dijadikan sebagai medium dakwah cukup efektif dalam menyebarkan agama kepada masyarakat dengan memberikan kisah atau cerita yang dikemas dengan ringan, yang tidak kaku, menghibur dan disesuaikan dengan keadaan kehidupan sosial masyarakat sekarang tanpa mengabaikan elemen motivasi dengan memberikan pesan-pesan agama menurut syariat Islam.

Filem mempunyai fungsi yang sangat relevan dalam mengendalikan moral masyarakat kerana ia mempunyai jumlah audien yang relatif tidak terbatas dan dengan waktu yang cepat. Akan tetapi filem juga memerlukan kawalan dalam hal etika menurut pandangan agama, sehingga lahirnya filem-filem yang dapat menyampaikan mesej Islam dengan serius dalam mensyiarkan ajaran Islam kepada masyarakat dengan bertujuan meningkatkan akhlak dan moral masyarakat dalam kehidupan seharian.

Intipati Kandungan Filem Islam Yang Dihasilkan.

i. Skrip

Penghasilan filem Islam atau filem berkonsepkan Islam perlu menyampaikan mesej yang baik, positif serta mendidik penonton. Dalam erti kata lain ia adalah satu dakwah yang perlu di sampaikan dalam bentuk filem. Justeru, penulisan skrip dan olahan perlu menyampaikan mesej yang baik dan dapat diterima oleh setiap individu. Penggunaan bahasa dan ayat dalam skrip mestilah mempunyai intonasi dan fonetik yang mudah difahami dan diserap oleh penonton.

ii. Jalan Cerita

Penerapan mesej dan isu sosial menerusi filem adalah dalam kerangka untuk mendidik dan membangunkan minda masyarakat. Penghasilan karya yang memberi fokus kepada nilai-nilai murni dengan berasaskan syariat Islam dalam jalan cerita yang menghiburkan dalam sesebuah filem boleh dijadikan platform dakwah kepada masyarakat. Sebagai contoh, filem *Ustaz Mu Tunggu Aku Datang* mempunyai jalan cerita yang menghiburkan dan mempunyai mesej yang hendak disampaikan (dakwah) kepada golongan remaja.

Selain itu, jalan cerita yang menegakkan syiar Islam dalam filem membuktikan keindahan Islam itu sendiri yang bersifat sempurna, saling lengkap melengkapi dalam menyelesaikan isu-isu kehidupan.

iii. Pergaulan dan Susila

Penekanan penghasilan karya filem Islam adalah lemah berbanding filem berkonsepkan Islam yang lebih cenderung kepada nilai komersil berbanding syariat Islam. Penghasilan filem berkonsepkan Islam memerlukan adengan dilakukan berdasarkan keperluan syiar Islam dan bukannya mengaplikasi syiar Islam dalam penerbitan filem Islam.

Sebagai contoh, filem Islam tidak membenarkan penyentuhan kulit antara watak ibu dan anak di dalam filem kerana pada zahirnya para pelakon adalah bukan muhrim. Begitu juga dengan adengan wanita menutup dan menjaga aurat perlu dalam setiap babak kerana tuntutan syarak tidak membolehkan seseorang wanita itu mendedahkan aurat kepada khalayak dalam apa jua keadaan. Berbeza dengan filem berkonsepkan Islam di mana nilai murni dalam konsep Islam dipaparkan untuk tujuan baik tetapi tidak berlandaskan syarak. Sebagai contoh, filem berkonsepkan Islam membenarkan adengan penyentuhan kulit antara

658

watak ibu dan anak di dalam filem kerana ia mencerminkan budaya dan nilai murni dalam masyarakat. Begitu juga dengan adengan menutup aurat yang mana adengan watak wanita di dalam rumah dibolehkan untuk tidak berhijab kerana pada dasar norma ia adalah bersesuaian. Namun, ia melanggar syarak.

5. KESIMPULAN

Filem sememangnya membawa pengaruh besar di dalam kehidupan seharian masyarakat di seluruh dunia. Filem mempunyai kuasa bukan sahaja untuk mempengaruhi fikiran dan emosi seseorang malahan ia juga boleh mempengaruhi falsafah diri sekaligus mencorakkan tindakan yang diambil seseorang.

Walaupun industri perfileman di Malaysia menerusi genre ini masih terkebelakang, namun ada usaha yang telah dilakukan. Justeru, menjadi tanggungjawab setiap karyawan untuk memperbanyakkan hasil karya filem genre ini dengan memberi mesej yang baik agar dapat membentuk sahsiah dan susila masyarakat lebih beradab

Karyawan terlebih dahulu perlu menngenalpasti definisi Filem Islam dan Filem Berkosepkan Islam sebelum menghasilkan sesuatu karya dalam genre ini. kedua-dua istilah ini membawa maksud dan olahan yang berbeza. Penghasilan filem genre ini memerlukan niat yang murni daripada karyawan samada untuk menyampaikan dakwah atau bagi yujuan mendapatkeuntungan komersil.

6. RUJUKAN

- Abuddin Nata. (2000), Metodologi Studi Islam, Jakarta: PT Rajagrafindo Persada.
- A.Rahim Awang. (2015), Polemik Industri Filem Negara: Diplomasi atau Kontroversi.
- Aini Maznina A.Manaf dan Syed Arabi Idid. (t.t). *Dakwah Melalui Media Baru: Membentuk Tingkah Laku Positif (Pengalaman Malaysia)*, 1-9.
- Habiburrahman el-Sirazy.(2014), Martabatkan Filem Islam Nusantara.
- Mohd. Shukri Hanapi. (2012, 5 Oktober). Penerbit Tiada Ilmu Buat Filem Islam. *Harian Metro*, hlm. V4 & V13.
- Mohd. Shukri Hanapi. (2012, 21 Oktober). Kreatif Guna Media Boleh Sebar Dakwah Secara Berkesan. *Berita harian* (Kuala Lumpur), hlm. 35.
- Naim Ahmad. (2011), Filem Islam Satu Pembicaraan.
- Jamil Mutalib (2012), *Ke Arah Merealisasikan Filem Islam Di Malaysia*, Forum Filem Islam Minggu Aspirasi Islam, UiTM Melaka.
- Rosmawati Mohamad Rasit. (2012). The Position of Religious Malays Films in Malaysia from the Perspectives of Islamic Da`wah *Jurnal al-Hikmah 4* (2012), 148-160.
- Rosmawati Mohamad Rasit, Mohd Salleh Hassan, Mohd Nizam Osman, & Muhamad Sham Shahkat Ali (2011). Film as a Medium of Communication for Da`wah: Analysis of Religious Elements in Selected Malay Films, *Islamiyyat 33* (2011), 67-76.